

Malaysia disyor bina stesen penyelidikan di Antartika

UM 23 APR 2007

PASIR MAS, 4 April — Malaysia wajar mengadakan sebuah stesen sendiri di Antartika bagi membolehkan saintis tempatan menjalankan penyelidikan yang berterusan di benua berkenaan.

Pensyarah Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Nik Meriam Sulaiman berkata, langkah itu penting kerana banyak lagi potensi di Antartika yang boleh dikaji.

Katanya, langkah itu juga akan menemukan saintis Malaysia dengan saintis-saintis terkenal dari seluruh dunia yang telah pun berjaya dalam penyelidikan di sana.

Dr. Nik Meriam merupakan salah seorang daripada sekumpulan saintis Malaysia yang pertama kali dihantar oleh kerajaan ke Antartika untuk menjalankan penyelidikan pada Oktober 1999.

Kata Dr. Nik Meriam,

kajian di sana penting kerana ia akan membantu dalam penyelidikan sains di negara kita," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau sebelum itu menyampaikan ceramah mengenai Antartika berdasarkan pengalaman dan kajiannya semasa di sana kepada pelajar-pelajar sekolah dalam program Pusat Sains Negara Ke Desa di Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas, di sini.

Kehebatan Antartika bukan sahaja menarik tumpuan masyarakat antarabangsa untuk ditinjau dengan lebih dekat malah ia juga menarik minat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengadakan lawatan ke benua penuh misteri itu.

Sejak tahun 1982 lagi, Malaysia mempunyai pendirian yang tetap terhadap Antartika yang disifatkan sebagai kawa-

san yang perlu bebas daripada segala kehendak dan manipulasi mutlak.

Sebaliknya, Malaysia mahu benua Antartika dikekalkan sebagai khazanah dunia yang dipunyai oleh seluruh manusia di planet bumi tanpa ada tujuan pihak lain yang berkepentingan sendiri.

Dalam perkembangan yang sama, Dr. Nik Meriam berkata, selama lapan hari di benua itu, beliau telah melakukan kajian tentang alam sekitar khususnya penerbitan udara dari pelbagai aspek.

Katanya, kajian seperti itu penting kerana ia secara tidak langsung membantu saintis Malaysia mengetahui tentang peranan penting Antartika dalam menentukan suhu di kawasan lain.

penemuan dan hasil kajian yang dibuat di Antartika bukan sahaja mempengaruhi kajian sains di negara ini malah membuka lembaran baru kepada bidang sains ekstrem.

"Penyelidikan di Antartika memerlukan banyak masa dan juga komitmen tetapi hasil